

Malaysia, Thailand semakin akrab

BH- 15/2/2007.

Jalin kerjasama tangani keganasan, pergolakan di tiga wilayah selatan

Oleh M Thillinadan

SELEPAS 50 tahun menjalin hubungan diplomatik, Malaysia dan Thailand sebagai negara berjiran belum bebas sepenuhnya daripada isu dan masalah yang menghantui pemimpin kedua-dua negara. Bagaimanapun, pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya, Surayud Chulanout, untuk bergerak ke depan dalam mengukuhkan hubungan dua halanya, memang harus dipuji.

Abdullah ketika mengulas mengenai hubungan dua negara itu merumuskan 'kami (pemimpin kedua-dua negara) sedar 50 tahun sudah berlalu dan kami berharap hubungan dan keakraban itu terus kekal 50 tahun akan datang dan seterusnya...'

Lawatan kedua Perdana Menteri ke Thailand sejak mengambil alih pucuk pimpinan negara boleh dikatakan amat berjaya untuk mengorak langkah bagi mencari penyelesaian kepada pergolakan dan keganasan di Selatan Thailand, yang sedikit sebanyak turut menjejaskan Malaysia.

Pencapaian ketara ialah isu dua kewarganegaraan yang dikatakan dimiliki kira-kira 200,000 penduduk sempadan kedua-dua negara. Mereka bukan saja bergerak bebas antara kedua-dua negara menggunakan dua kad pengenalan berasingan, sesetengahnya turut mengundi dalam pilihan raya di kedua-dua negara.

Malah, Kerajaan Thailand mendakwa ada penduduk melancarkan serangan di wilayahnya sebelum melarikan diri ke sempadan Malaysia untuk bersembunyi. Tuduhan sebegini banyak kali menjejaskan hubungan kedua-dua negara, khususnya apabila turut diperbesar media.

Selepas bertahun-tahun berunding, Abdullah dan Surayud akhirnya sudah mendapat formula untuk menyelesaikan masalah itu. Kedua-dua negara bersetuju, mereka yang memiliki dua kewarganegaraan diberi pilihan untuk menentukan negara mereka, manakala negara tempat tinggal mereka akan memberi status penduduk tetap.

Ini bererti seorang rakyat Thailand yang tinggal tetap di Malaysia akan diberi status penduduk tetap di negara ini, begitu juga rakyat Malaysia yang menetap di sempadan Thailand akan mendapat status penduduk tetap di Thailand.

Sebagai permulaan, Malaysia sudah menyerahkan nama 500 warganya yang dipercayai memiliki dua kerakyatan kepada Thailand manakala negara itu juga menyerahkan 500 nama kepada pihak imigrasi Malaysia.

INTI PATI

Kejayaan rundingan Malaysia dengan Thailand

- Berjaya mengorak langkah bagi mencari penyelesaian kepada pergolakan dan keganasan di Selatan Thailand, yang sedikit sebanyak turut menjejaskan Malaysia.
- Pencapaian ketara ialah isu dua kewarganegaraan yang dikatakan dimiliki kira-kira 200,000 penduduk sempadan kedua-dua negara.
- Kedua-dua negara bersetuju, mereka yang memiliki dua kewarganegaraan diberi pilihan untuk menentukan negara mereka, manakala negara tempat tinggal mereka akan memberi status penduduk tetap.
- Malaysia dikatakan bersetuju menjadi orang tengah antara kumpulan pemisah di wilayah selatan dengan kerajaan di Bangkok.
- Bersetuju tekanan diberi kepada soal pembangunan di kawasan sempadan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk, keupayaan ekonomi, pendidikan dan peluang pekerjaan yang dikatakan punca rasa tidak puas hati penduduk di tiga wilayah selatan.

Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Tan Sri Aseh Che Mat, berkata walaupun mereka memiliki satu kerakyatan dan satu taraf penduduk tetap, mereka tidak boleh bergerak bebas seperti dulu, selain tidak boleh mengundi di kedua-dua negara.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga difahamkan sudah memutuskan peranan yang boleh dimainkan Malaysia, walaupun ia adalah masalah dalam Thailand. Malaysia dikatakan bersetuju menjadi orang tengah antara kumpulan pemisah di wilayah selatan dengan kerajaan di Bangkok.

Walaupun tidak mengesahkannya, Abdullah berkata Kerajaan Thailand melihat

Malaysia ada kemampuan dan kebolehan untuk menjadi orang tengah. Lagipun, baru-baru ini Surayud dalam taklimat mediana di Bangkok dilaporkan berkata, kerajaannya lebih rela rundingan membatalkan kerajaan dengan kerajaan serta tidak mahu mana-mana individu menjadi orang tengah dalam perbincangan dengan pemisah.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju tekanan diberi kepada soal pembangunan di kawasan sempadan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk, keupayaan ekonomi, pendidikan dan peluang pekerjaan yang dikatakan punca rasa tidak puas hati penduduk di tiga wilayah selatan iaitu Yala, Pattani dan Narathiwat yang majoritinya Islam.

Dalam hal ini, mereka meletakkan harapan pada rangka kerja Jawatankuasa Malaysia-Thailand Mengenai Strategi Pembangunan Bersama (JDS) dan Pelan Lima Tahun Pembangunan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Pembinaan jambatan kedua menyeberangi Sungai Golok, menghubungkan Buketa di Thailand dan Bukit Bunga di Malaysia; permulaan program latihan oleh Giatmara kepada belia wilayah itu; kesediaan Malaysia untuk memberi peluang pendidikan di peringkat menengah, universiti dan latihan perindustrian untuk rakyat Thai yang berasal di selatan disifatkan komitmen kedua-dua negara untuk meningkatkan kehidupan rakyat dan kemajuan ekonomi Selatan Thailand dan Utara Malaysia.

Malah, Malaysia juga menawarkan untuk meningkatkan pengajian sekolah pondok dengan memberi latihan kepada gurunya termasuk teknologi maklumat, Petronas juga menaja 10 pelajarannya di Universiti Petronas di Tronoh, selain ramai lagi yang melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Turut dipersetujui pada akhir mesyuarat kedua-dua pemimpin itu ialah:

● Berpuas hati dengan kemajuan dicapai Pelan Lima Tahun IMT-GT Untuk Pembangunan yang diterima pada Sidang Kemuncak Kedua IMT-GT di Cebu, Filipina, Januari lalu.

● Kedua-dua pemimpin sependapat serangan dan keganasan terhadap orang awam perlu dihentikan. Kerajaan Malaysia memuji langkah diambil kerajaan baru Thailand ke arah itu.

● Kedua-dua negara bersetuju kerjasama sosial dan pendidikan melalui pertukaran pelajar dan lawatan sambil belajar.

● Malaysia dan Thailand amat puas hati dengan kerjasama tenaga seperti penerokaan gas di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA), projek paip gas Trans-Thai-Malaysia dan kilang pengasi-

ngan gas dan pertukaran bekalan elektrik.

● Mereka juga mahu pergerakan pelancong antara kedua-dua negara ditingkatkan dan kerjasama dalam bidang itu diperhebatkan.

● Puas hati dalam kerjasama sains halal. Satu memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Piawai Makanan Halal, Thailand; Pusat Sains Halal Universiti Chulalongkorn; Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd dan Forum Halal Sedunia, Malaysia akan ditandatangani untuk meningkatkan kerjasama dalam kajian dan pembangunan produk dan perkhidmatan halal.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar, berkata Malaysia akan membantu Thailand mengendalikannya supaya tidak berlaku penindasan dan ketidakadilan, melalui mekanisme yang akan diwujudkan bersama.

Beliau berkata: "Walaupun Selatan Thailand bukan masalah Malaysia, kita terpaksa ambil peduli kerana sebarang kesan limpahan akan dirasai negara kerana kedua-duanya berjiran.

"Malah, setiap kali sesuatu berlaku di Selatan Thailand, media mereka meletakkan kesalahan pada Malaysia, termasuk pemberontaknya bersembunyi di kawasan kita. Oleh itu, kita terpaksa membantu mencari penyelesaian kepada masalah ini," katanya.

Nasib 132 (tambah seorang, bayi dilahirkan baru-baru ini) pelarian Thailand yang kini ditempatkan di sebuah kem di Terengganu turut dibincangkan, bagaimanapun kedua-dua negara mengambil pendirian mereka sendiri memutuskan bila mahu pulang ke kampung asal masing-masing.

Walaupun Thailand sedia menerima dan sedang memujuk mereka untuk kembali ke negara asal mereka, Malaysia tidak boleh memaksa mereka pulang berikutan kebimbangan perbuatan sedemikian akan mendapat kritikan pejuang hak asasi manusia dan Suruhanjaya Bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR).

Walau apapun kehendak pihak berkepentingan, Malaysia tetap dengan pendirian bahawa Selatan Thailand adalah masalah dalaman negara itu dan hanya akan campur tangan jika ada tawaran daripada Kerajaan Thailand sendiri. Malaysia tidak mahu dipersalahkan jika usaha pemulihan dan rundingan dengan pemisah menemui kegagalan.

Bagi Malaysia, jika rundingan gagal, hanya Kerajaan Thailand perlu dipersalahkan kerana ia dibuat dengan persetujuan sendiri untuk menyelesaikan masalah rakyatnya.